

Headline	Pertahankan kesucian Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	S9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	593 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,828
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,483



Seri Paduka mahu keperluan dunia, akhirat diimbangi umat Islam

Pertahankan kesucian Islam

DARI sudut agama, setiap negeri di Malaysia yang mempunyai Sultan tersendiri memegang kuasa mutlak terhadap pelaksanaan dan keutuhan agama Islam tetapi Yang di-Pertuan Agong pula memegang kuasa tersebut untuk negeri tanpa Sultan seperti Melaka, Pulau Pinang, tiga Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan negeri asal Seri Paduka.

Seri Paduka juga berkuasa melantik pengerusi dan ahli majlis agama di samping mufti negeri di bawah kuasa baginda, termasuklah satu majlis agama untuk ketiga-tiga Wilayah Persekutuan yang kesemuanya bertindak sebagai badan pelaksana dan penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong.

Selaku Ketua Agama Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa bagi mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman atau meremit, mengantung atau mengurangkan hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh mana-mana mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal hal ehwal agama Islam, khususnya empat negeri tersebut, tiga Wilayah Persekutuan dan negeri baginda sendiri.

Ini ditetapkan dalam Perkara Tiga (3) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama persekutuan atau dimaksudkan juga sebagai agama rasmi negara dengan Yang di-Pertuan Agong diletakkan sebagai pelindung kesucian Islam di samping melindungi hak penganut agama lain mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Namun, terdapat juga Perkara Sebelas (11) (4) dalam Perlembagaan yang melarang dakyah agama lain kepada umat Islam yang dilaksanakan mengikut ketetapan perundangan Islam peringkat negeri.

Seperti mana Sultan di peringkat negeri, Seri Paduka di peringkat persekutuan juga memerintah dan ketua agama, mengingatkan semua umat Islam supaya mengukuhkan perpaduan ummah dan mengimbangi antara keperluan dunia serta akhirat.

Maka dengan itu, menjadi kewajipan rakyat jelata mentaati perintah baginda dalam hal-hal berkaitan agama selagi tidak

menyuruh kepada menderhakai Allah, sebagaimana ditegaskan menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu." (an-Nisa: 59).

Al-Imam As-Sayuthi pula meriwayatkan sebuah hadis daripada Ibnu Umar yang sebahagiannya menyebut tentang kedudukan raja serta tanggungjawab baginda di samping turut menyebut tentang kewajipan

rakyat terhadap rajanya.

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "Sultan itu adalah naungan Allah di bumi. Setiap orang yang teraniaya daripada hamba rakyatnya akan berlindung kepadanya. Maka jika raja itu adil adalah baginya ganjaran pahala dan rakyat hendaklah bersyukur. Dan jika raja itu curang atau tidak

adil atau menganiaya adalah ke atasnya dosa dan rakyat hendaklah bersabar".

Yang di-Pertuan Agong, Sultan atau Raja sebagai ketua agama Islam adalah sesuatu yang amat istimewa di negara kita dan rakyat perlu bersyukur akan ketinggian Islam yang diangkat di dalam Perlembagaan Negara dengan Raja-Raja Melayu dan Seri Paduka sebagai tiang utamanya.

Bagaimanapun, kebelakangan ini terdapat pihak-pihak tertentu cuba mempertikaikan kedudukan Islam dalam Perlembagaan, peranan Mahkamah Syariah dan bidang kuasa Sultan dan Seri Paduka sebagai ketua agama dan adat istiadat Melayu di negara ini.

Semua ini berkait rapat dengan perpecahan umat Islam sendiri mengikut kumpulan tertentu, sanggup menggadaikan maruah dan kepentingan agama kerana kepentingan diri dan kumpulan, serta adanya umat Islam

yang bersubahat dengan pihak tertentu untuk mempertikaikan Islam sebagai agama rasmi negara ini atas alasan untuk mempertahankan hak asasi pihak lain.

Di sinilah Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu memainkan peranan utama mempertahankan kesucian Islam dan pada masa sama melindungi hak penganut agama lain.

Keprihatinan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah terhadap urusan hal ehwal agama jelas terbukti sepanjang waktu baginda menjalankan kewajipan sebagai Sultan Negeri Kedah melalui pejabat baginda di Wisma Darul Aman, Alor Setar.

Kini, tugas baginda lebih besar dan berat di Istana Negara tetapi tidak ditinggalkan malahan banyak masa diperuntukkan Seri Paduka kini merupakan Ketua Negara.

Sebelum ini, baginda mencadangkan agar Universiti Utara Malaysia (UUM) mewujudkan

sebuah institut penyelidikan bagi pengembangan pengurusan masjid moden.

Seri Paduka menganggap ia amat penting untuk meningkatkan kedudukan masjid sebagai institusi utama dalam masyarakat Islam di peringkat negeri dan persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi.

Di samping itu, baginda juga menyeru pihak jawatankuasa masjid supaya lebih terbuka melalui kepelbagaian dakwah kontemporari dan tidak terikat dengan gaya pengurusan lama tanpa mengambil kira